

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 27 JULAI 2016 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Tunggu laporan Jabatan Kimia	Harian Metro
2.	Embracing science, technology and innovation in wider market	New Straits Times
3.	Membudayakan kepintaran inovasi	Utusan Malaysia

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (RANGKUMAN) : MUKA SURAT 24**  
**TARIKH : 27 JULAI 2016 (RABU)**

**Tunggu  
laporan  
Jabatan  
Kimia**

**Ipoh:** Laporan daripada Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) berhubung kes kemalangan melibatkan sebuah bas ekspres mempunyai 63 saman tertunggak yang merempuh 10 kereta di Kilometer 265.8, Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran Terowong Menora, 10 Julai lalu sudah diterima polis.

Ketua Polis Daerah Ipoh Asisten Komisioner Sum Chang Keong berkata, laporan itu diterima minggu lalu dan pihaknya hanya menunggu laporan daripada Jabatan Kimia untuk melengkapkan kertas siasatan.

Menurut beliau, selepas memperoleh kedua-dua laporan itu, pihaknya akan menghantar kertas siasatan kes kemalangan terbabit ke pejabat Timbalan Pendakwa Raya bagi tindakan lanjut termasuk pendakwaan.

“Kami hanya menunggu laporan daripada Jabatan Kimia berhubung kes berkenaan. Sebelum ini, apabila kertas siasatan diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya, kami diminta untuk mendapatkan laporan daripada PUSPAKOM dan jabatan terbabit,” katanya pada sidang media di Balai Polis Pasir Puteh, semalam.

## Embracing science, technology and innovation in wider market

**CHALLENGING:** The country needs a firm and foresighted plan for industry 4.0

**W**E are more than halfway in this landmark, post-Asean Economic Community (AEC), post-Trans-Pacific Partnership (TPP) agreement year, with so many changes taking place in the country's economic landscape.

One thing that hasn't changed, although has become more pressing, is the need to keep up with the global economy, which is more open and driven by science, technology and innovation (STI).

By being a party to TPP, we will have greater access to a market of 11 countries, 800 million people and a combined gross domestic product of US\$27.5 trillion (RM118 trillion). AEC, of which we are also a member, gives us access to 633 million people and a GDP of more than US\$2.5 trillion.

Some of us see the country's participation in these trade arrangements as a great opportunity — new markets and lower entry barriers — but there are a few who feel that the trade benefits could have been overstated.

These less-than-optimistic groups perceive the costs and risks as greater than the benefits.

In the meantime, the evolution in STI has seen a pace that hasn't been seen before.

Not only in real development and progress, but its popularity has also reached an unprecedented level, with consumers being more conscious and discerning of STI trends, especially those in consumer markets.

Uberrisation, Internet of Things, Augmented Reality, wearables, eCommerce, nanotech, Big Data analytics — these technologies are no longer exclusive to scientists and industry players as consumers, including in the Asean region, are also familiar with these terms.

In the meantime, industry 4.0, that is, the digital economy driven by these technologies, is shaping up in the private sector as big and small companies digitalise their businesses and products.

In this new age, there are people who view that our approach should leverage our strengths instead of going through the pain of developing new STI-based industries.

There are many more opportunities to be seized and explored in industries.

With TPP, access to resources, be they capital or labour, and to markets — services and goods — becomes wider.

These should make investments in STI more worthwhile as the mar-

ket for digital goods and services expands.

On the other hand, with the economic landscape increasingly dependent on technology and innovation, the country needs a firm and foresighted plan.

Small- and medium-scale enterprises (SMEs) deserve attention and assistance in facing industry 4.0.

As the playground becomes bigger, while our home pitch appears less green than that of others, we could lose out, not only in the product market but also in the labour market.

Brain drain could result as local talents search for greener pastures, depriving us of human capital required to create local champions.

In such a scenario, our SMEs are disadvantaged.

They are less capable of retaining talents in STI and competing with other players in the more advanced, more open and better-paying countries.

Not to mention the inability to meet uncertainties and differences in standards and compliance requirements across countries.

In facing challenges raised by new economic arrangements, strategic programmes and interventions need to focus on preparing local players.

Local firms and entrepreneurs need to be encouraged to explore opportunities in the services sector, which has greater tradability and can benefit from STI and industry 4.0.

Perhaps we can explore whether consolidation of small local players is beneficial to achieve economies of scale and to improve their visibility and competitiveness in a more challenging open market.

There is also greater pressure to ensure that education and training can produce human capital with hard and soft skills.

In short, freer markets offer a wider playground, bigger opportunities and more players to compete against.

However, without a strong game-plan, they could turn out to be Trojan horses that could kick us to the back of the race.

With TPP and AEC at their infancy, and the region adapting to the higher standards imposed by these two trade arrangements, stability and support are what our SMEs could benefit from, and these are the policy areas that deserve great attention.

\* mazenamazlan@gmail.com

The writer is an independent researcher

As the playground becomes bigger, while our home pitch appears less green than that of others, we could lose out, not only in the product market but also in the labour market.



MAZLENA MAZLAN

## Membudayakan kepintaran inovasi



**ROHAMI SHAFIE**


**D**EMAM Pokemon Go sedang melanda penduduk dunia. Meskipun dari satu sudut, permainan Pokemon Go menjadi kontroversi dan dikatakan melalaikan sehingga menyebabkan pelbagai tragedi pelik berlaku sejak dilancarkan, namun dari satu sudut lain permainan ini membuktikan sekali lagi, inovasi mengubah tingkah laku manusia. Malah, inovasi juga boleh mengubah budaya penduduk dunia.

Misalnya, 30 tahun lalu, tiada siapa terfikir bahawa telefon boleh dibawa ke mana-mana. Itu belum lagi melibatkan telefon pintar yang memiliki pelbagai aplikasi terkini yang memudahkan komunikasi sesama manusia. Inovasi sebegini meningkatkan kekayaan individu penciptanya. Lihatlah senarai orang terkaya di dunia, mereka ini sebenarnya memiliki kepintaran inovasi yang hebat sehingga mampu menakluki dunia.

Bill Gates dan Steve Jobs antara nama besar yang membuktikan bahawa inovasi boleh mengubah manusia ke arah kehidupan yang baharu. Kini, nama John Hanke pencipta *Pokemon Go* pula sedang melonjak naik sebagai pakar inovasi yang mengambil peluang atas kehidupan manusia yang dikelilingi oleh gajet pintar. Beliau juga berjaya mencipta *Google Street View*, *Google Map* dan *Keyhole* yang kini dikenali sebagai *Google Earth*. Kejayaan Hanke membuktikan bahawa inovasi berteraskan digital adalah senjata ampuh untuk merealisasikan apa yang sebelum ini dianggap mustahil dalam kehidupan manusia.

Maka, tidak menghairankan negara-negara yang memiliki keupayaan inovasi tinggi juga adalah yang maju ekonominya. Kehebatan inovasi menyebabkan kerajaan menitikberatkan ekonomi digital yang berteraskan keupayaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam memacu ekonomi domestik. Dengan kata lain, inovasi adalah teras ekonomi negara pada masa hadapan. Kita boleh lihat bagaimana inovasi meningkatkan keupayaan sistem pengangkutan awam negara.

Pada masa akan datang negara bukan setakat memiliki rel berkelajuan tinggi yang dikenali



**SEORANG lelaki cuba menangkap Pikachu semasa bermain Pokemon Go di hadapan sebuah tokong di Tokyo, baru-baru ini. - AP**

sebagai HSR malahan bas elektrik pertama dijangka beroperasi di Kuala Lumpur pada tahun hadapan. Ini menunjukkan bahawa inovasi telah mengubah kehidupan manusia dengan lebih baik. Untuk sampai dari satu destinasi ke satu destinasi tidak lagi mengambil masa lama. Sistem pengangkutan yang cekap berasaskan inovasi tinggi boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Georgetown dan Johor Bahru. Bahkan, inovasi juga boleh mengurangkan kemalangan maut yang sering berlaku setiap kali musim perayaan.

Misalnya, syarikat-syarikat automatik di seluruh dunia berlumba-lumba mencipta kereta pintar yang mementingkan aspek keselamatan menggunakan kepintaran buatan. Dengan pelbagai penciptaan terbaru dalam aspek pengangkutan, maka sudah tentulah dapat membantu manusia menjalani kehidupan yang lebih selesa pada masa hadapan.

Tidak cukup dengan itu, inovasi juga boleh menyelesaikan aspek kehidupan manusia lain dari sudut kesihatan, pertanian, keselamatan dan pekerjaan. Melalui inovasi, negara akan lebih berdaya saing, manakala pekerja pula akan lebih cekap. Dengan ini, mampu

meningkatkan produktiviti pekerja yang mana merupakan komponen terpenting dalam menghasilkan lebih banyak produk yang kosnya lebih rendah.

Dalam hal ini, mahu tidak mahu, Malaysia amat memerlukan lebih ramai individu tempatan yang memiliki kepintaran inovasi seperti Gates, Jobs dan Hanke.

Kita boleh lihat kehebatan inovasi telah menyebabkan negara China mengatasi kedudukan pertama Amerika Syarikat (AS) dari sudut pembinaan komputer *super* terpantas di dunia. Malah, apa yang menakjubkan hanya mikrochip buatan tempatan yang digunakan sekali gus membuktikan bahawa negara China tidak memerlukan kepintaran inovasi dari negara lain terutamanya dari AS itu sendiri.

Hal ini membuktikan bahawa kepintaran inovasi rakyat tempatan menjadi pemangkin kehebatan sesebuah negara dalam mengatasi keupayaan negara-negara lain.

Kepintaran inovasi inilah akan membudayakan kehidupan rakyat Malaysia agar dapat berfikir di luar kotak melalui idea-idea baharu dan bernas dan bukannya menggunakan kaedah tradisional yang tidak sesuai lagi pada masa kini apatah lagi masa depan. Selagi pemikiran di luar kotak itu tidak bercanggah dengan ajaran agama

Islam, maka selagi itulah inovasi boleh membantu menyelesaikan pelbagai masalah manusia.

Kita boleh lihat bagaimana Bank Negara Malaysia (BNM) menekankan kerangka teknologi kewangan berdasarkan inovasi teknologi.

Selain itu, inovasi sosial juga mula hangat diperkatakan. Inovasi sosial bukan setakat memberi impak kepada pihak yang mementingkan tujuan komersial semata-mata tetapi juga memberi impak positif kepada masyarakat dari sudut sosial. Perkara ini ditekankan dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RM-11) iaitu bukan setakat penduduk bandar perlu sentiasa meningkatkan kepintaran inovasi mereka tetapi juga warga desa perlu berinovasi dalam meningkatkan kesejahteraan hidup. Hasil kepintaran inovasi ini tidak lain tidak bukan ialah untuk merealisasikan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Untuk memastikan rakyat Malaysia memiliki kepintaran inovasi, maka, mahu tidak mahu, sistem pendidikan yang berteraskan inovasi adalah asas untuk membudayakan kepintaran inovasi dalam kehidupan.

Dengan kata lain, sejak kecil lagi rakyat Malaysia wajib diasah dengan kepintaran inovasi. Buat permulaan, kerajaan boleh menubuhkan sekolah inovasi di bandar-bandar besar sebelum diperluaskan di seluruh negara. Kita tidak boleh lagi terlalu bergantung pada pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan semata-mata yang mana sukar memacu ekonomi pada masa hadapan agar lebih mapan dan berdaya saing.

Lebih-lebih lagi, dengan pelbagai masalah sosial yang melanda remaja kini, maka, sudah sampai masanya, kecemerlangan pelajar juga dinilai berasaskan kepintaran inovasi yang lebih utama dalam menempuh kehidupan masa hadapan. Hal ini berlaku sedemikian kerana saban hari dunia semakin kompleks dengan pelbagai cabaran. Maka, dengan membudayakan kepintaran inovasi dalam kehidupan rakyat Malaysia, insya-Allah apa sahaja cabaran dan masalah dapat diharungi dengan baik demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

**DR. ROHAMI SHAFIE** ialah Pensyarah Kanari Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM), Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia (UUM).